

Presiden Tajikistan Pulang Selepas Lawatan Empat Hari Ke Malaysia

Bernama

Jun 25, 2014

SEPANG, 25 Jun (Bernama) -- Presiden Tajikistan Emomali Sharipovich Rahmon berlepas pulang ke negaranya hari ini setelah melakukan lawatan negara empat hari ke Malaysia atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Rahmon dan isteri Azizahmoh Rahmon serta delegasinya berlepas dari Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini pada 5.15 petang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Joseph Entulu Belaun dan Timbalan Menteri Luar Datuk Hamzah Zainuddin berada di KLIA untuk mengucapkan selamat jalan kepada Rahmon dan rombongannya.

Semalam, Rahmon dianugerahi Ijazah Doktor Kehormat Kepimpinan oleh LimKokWing University of Creative Technology (LUCT).

Pada Isnin, beliau mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Putrajaya dan mereka mencapai persetujuan untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang utama terutamanya pendidikan, pelancongan, sukan, ekonomi serta sains dan teknologi.

Semasa lawatannya, Rahmon turut melawat Menara Berkembar Petronas, Proton Holdings Bhd dan Perbadanan Putrajaya.

Dagangan dua hala antara Malaysia dan Tajikistan meningkat hampir 200 peratus kepada AS\$5.5 juta pada 2013.

Ini lawatan negara pertama Rahmon ke Malaysia sejak kedua-dua negara menjalin hubungan diplomatik pada 1992.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049279>